

**Majlis Pelancaran Kempen Sebulan Beramal Jariah Anjuran
Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM)**

Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur 1 Disember 2000

Pada hari yang mulia ini, marilah kita bersama-sama mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita dapat bersama-sama di Majlis Perasmian Kempen Sebulan Beramal Jariah Peringkat Nasional, yang juga bersempena dengan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini. Kita juga bersyukur kerana dengan izin-Nya, kita sekali lagi dapat menunaikan ibadah puasa bagi tahun 1421 Hijrah ini serta dapatlah kita melakukan amal kebajikan sebanyak-banyaknya bagi memenuhi tuntutan, anjuran serta galakan agama kita Islam di bulan Ramadan al mubarak ini.

2. Pada kesempatan ini, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada penganjur kerana menjemput saya untuk merasmikan Kempen Sebulan Beramal Jariah peringkat nasional ini, seterusnya melancarkan Skim-skim Amal Jariah anjuran Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM).

3. Infaq (mengeluarkan harta pada jalan kebajikan) sebenarnya mempunyai kedudukan dan peranan yang penting dalam sistem ekonomi dan sosial Islam. Dalam Islam, istilah infaq ini termasuklah zakat, sedekah dan segala perbelanjaan untuk jalan kebajikan. Di negara kita, sedekah jariah ini juga dikenali sebagai amal jariah. Saya difahamkan amal jariah ini merupakan satu istilah yang dipopularkan oleh YPEIM sejak ianya disusun dan dilancarkan semula pada pertengahan tahun 1980an lagi, yakni satu gabungan dua istilah utama iaitu Amal Soleh dan Sadaqah Jariah.

4. Dalam konteks Islam, keupayaan melaksanakan ibadah yang dianjurkan ini mempunyai kaitan yang jelas dengan tahap keimanan kepada Allah s.w.t. Kenyataan ini ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 2-3 yang bermaksud:

"Kitab al-Quran itu tiada padanya sebarang keraguan. Ia memberi hidayat kepada orang-orang yang bertaqwa. Iaitu orang-orang yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan solat dan menginfakkan sebahagian rezeki yang dikurniakan kepada mereka."

5. Mereka inilah yang digolongkan oleh Allah s.w.t. sebagai orang yang beruntung, seperti yang dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam ayat 5, surah al-Baqarah, maksudnya:

"Mereka ialah yang mendapat hidayat dari Tuhan mereka dan merekalah orang-orang yang beruntung."

6. Dalam konteks kita melakukan amal kebajikan, konsep kebaktian atau kebajikan seperti yang diperjelaskan oleh al-Quran, ayat 177 surah al-Baqarah wajar menjadi panduan dan rujukan kita. Ayat tersebut menegaskan bahawa kebajikan atau kebaktian itu bukanlah merujuk kepada hala muka kita sewaktu melakukan ibadat semata-mata, tetapi kebajikan atau kebaktian sebenar ialah merupakan keseimbangan hubungan langsung dengan Allah (Hablumminallah) dan dengan kebajikan terhadap sesama makhluk khususnya manusia (Hablumminannas). Ayat 177 surah al-Baqarah, maksudnya:

"Kebaktian itu bukan hanya menghalakan mukamu ke arah Timur atau Barat, tetapi kebaktian ialah mereka yang beriman kepada Allah, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab suci, para nabi dan memberi harta yang disayanginya kepada kaum kerabat, anak-anak yatim, fakir miskin, orang yang terlantar di dalam perjalanan, orang meminta bantuan, membebaskan hamba abdi, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menunaikan janji apabila mereka berjanji.... Merekalah orang-orang yang benar-benar berbakti dan merekalah orang-orang yang benar-benar bertaqwa."

7. Ayat-ayat yang di nyatakan ini, dengan jelas menunjukkan kepada kita bahawa infaq (amal jariah) merupakan bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada maksud kebajikan atau kebaktian. Malah dari sudut sirah (sejarah) ianya telah menjadi sebahagian daripada budaya hidup sejak zaman Rasulullah s.a.w., di mana terdapat sahabat-sahabat utama Baginda sanggup mengeluarkan sebahagian daripada harta kesayangan mereka, malah terdapat juga yang menginfaqkan hampir keseluruhan harta yang dimilikinya atas asas keimanan mereka kepada Allah dan Rasul-Nya.

8. Pengalaman sahabat Rasulullah s.a.w., Abdul Rahman bin Auf umpamanya, wajar menjadi rangsangan kepada kita, di mana pada masa hijrahnya kesemua harta kekayaan dan kesayangannya telah ditinggalkan di Mekah, atas asas keimanannya yang tinggi kepada Allah s.w.t., bagaimanapun berasaskan pendirian tegas dalam meneruskan kehidupannya, beliau tidak mudah menerima tawaran pemberian percuma sebahagian daripada harta kekayaan dan kesayangan saudara Ansarnya Sa'ad bin Rabi', sebaliknya apa yang diperlukan beliau ialah meminta ditunjukkan di mana pasar untuk beliau memulakan perniagaannya. Diriwayatkan jumlah harta yang diinfaqkan oleh Sahabat Rasulullah s.a.w. ini, tidak sedikit. Beliau pernah membiayai keperluan peperangan dengan menyediakan kelengkapan sebanyak 500 ekor kuda tempur yang serba lengkap serta 500 ekor unta yang membawa konvoi perbekalan, malah pernah diriwayatkan juga bahawa beliau pernah membahagikan sebahagian besar kekayaannya dan menyerahkan sebahagiannya kepada yang memerlukan.

9. Demikianlah satu daripada contoh sahabat yang sangat gigih dalam usahanya dan banyak sekali amal kebajikan yang dilakukan, khususnya dalam konteks mengeluarkan hartanya pada jalan Allah. Allah terus memberi kemurahan rezekinya dan memberkati harta Abdul Rahman bin Auf kerana sikap dermawan dan pemurahannya, walaupun telah banyak harta yang diinfaqkan, namun pada waktu meninggalnya harta yang masih tinggal tidak sedikit.

10. Kita juga menyaksikan hingga ke abad mutakhir ini, masih terdapat mereka yang bersedia dan sanggup mengeluarkan harta pada jalan kebajikan ini dan manfaatnya daripada amalan ini juga adalah besar dan berpanjangan. Kewujudan institusi pendidikan penting seperti Universiti Al-Azhar Mesir adalah sebagai contoh terpilih betapa amalan baik dan murni ini masih menjadi budaya kepada sebahagian daripada masyarakat Islam yang benar-benar meyakini bahawa amal jariah ini juga merupakan suatu saluran menyempurnakan tanggungjawab sosial serta kepada mereka yang benar-benar meyakini janji Allah s.w.t. seperti dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya yang diriwayatkan oleh Muslim:

"Apabila mati seorang anak Adam, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya."

11. Di negara kita juga sebenarnya, amalan bersedekah atau beramal jariah ini dipraktikkan secara yang meluas. Terdapat banyak sekali institusi ibadah, pendidikan dan kebajikan didirikan atas asas amal jariah ini, walaupun peruntukan-peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan adalah besar. Keadaan ini membuktikan kepada kita bahawa budaya beramal jariah bukanlah sesuatu yang baru dan asing kepada masyarakat kita.

12. Kenyataan-kenyataan ini mendorong kita secara serius untuk menggali rahsia serta hikmah di sebalik anjuran berinfaq (beramal jariah) ini. Amalan murni dan positif ini banyak dan besar sekali hikmah yang tersembunyi di sebalik anjuran dan galakan melaksanakannya oleh Allah s.w.t. Antara kesan hikmah utama yang boleh kita cungkil adalah seperti berikut:

Pertama: Semangat beramal jariah ini sekiranya digerakkan secara bersungguh-sungguh dan melalui penyediaan prasarana beramal jariah secara profesional serta disokong oleh semua lapisan masyarakat berasaskan tahap keupayaan masing-masing, ianya boleh mewujudkan satu bentuk kekuatan yang hebat dan mampu mewujudkan sebuah dana yang besar serta boleh berperanan dengan lebih berkesan dalam membangun sosio-ekonomi masyarakat kita. Dalam erti kata yang lain atas semangat ini kita boleh melahirkan keupayaan memberi dan bukan menerima atau meminta.

Kedua: Pelaksanaan program amal jariah berasaskan tafsiran yang luas terhadap maksud amal jariah, akan memungkinkan kita dapat menyelesaikan sebahagian daripada permasalahan masyarakat kita. Di samping pelaksanaan program dalam bentuk sedemikian juga boleh mempamerkan kebaikan Islam yang sebenar.

13. Setelah 15 tahun beroperasi terutama selepas disusun dan dilancarkan semula pada penghujung tahun 1984 yang lalu, saya difahamkan bahawa YPEIM telah melaksanakan pelbagai program, skim serta mencapai prestasi tersendiri seperti berikut:

(i) Memperkenalkan pelbagai skim sumbangan yang bertujuan menjadi saluran (prasarana) bagi masyarakat beramal jariah. Melalui skim-skim yang diperkenalkan tersebut hingga kini lebih daripada RM50 juta telah berjaya digemblengkan. Peratusan yang tertinggi daripada jumlah yang dikumpulkan ialah melalui Skim Sumbangan Amal Jariah Melalui Potongan Gaji Secara Bulanan (secara puratanya seorang satu Ringgit sebulan).

(ii) Melaksanakan pelbagai program melalui pendekatan yang tersendiri yang memberi fokus kepada usaha membangun sosio ekonomi masyarakat termasuk program pendidikan (tidak formal) telah berupaya memberi manfaat kepada lebih dua juta anggota keluarga (pada umumnya mereka yang berpendapatan rendah) di seluruh negara. Penglibatan YPEIM secara pro-aktif dalam usaha pembasmian kemiskinan serta membangun dan menyuburkan semangat keusahawanan di kalangan kumpulan sasaran terbabit amat memberangsangkan.

(iii) Skim Ar Rahnū yang juga merupakan skim mikro kredit, diperkenalkan oleh YPEIM bersama Bank Negara Malaysia dan dilaksanakan melalui Bank Rakyat, Bank Islam dan Koperasi YPEIM, yang memberi faedah kepada lebih setengah juta pelanggan setakat ini (melalui pembiayaan sekitar RM500 juta) mula menjadi pilihan yang utama kepada peniaga-peniaga kecil yang memerlukan modal awal mahupun keperluan modal tambahan bagi perniagaan mereka.

(iv) Satu lagi program yang diperkenalkan YPEIM yang juga menarik ialah Program Kecemerlangan Komuniti yang dilaksanakan berpaksikan kepada pendekatan penyuburan asas keilmuan, kepentingan pendidikan, semangat berusaha serta semangat bergotong royong (melalui pendekatan kesukarelaan yang diperkenalkan) di kalangan masyarakat.

(v) Sehingga kini YPEIM mempunyai rekod pengurusan kewangan yang boleh dibanggakan.

14. Kejayaan YPEIM pada tahap ini dalam usaha menggemblengkan sumbangan amal jariah masyarakat serta dapat menguruskannya

dengan baik, menggambarkan dengan jelas bahawa potensinya adalah cerah untuk kita merealisasikan usaha mewujudkan sumber dana yang besar dan bakal menjadi satu lagi sumber kekuatan umat kita pada masa depan. Berdasarkan tahap profesionalisme pengurusan yang tinggi, saya penuh yakin YPEIM mampu menguruskan dana tersebut dengan teratur dan berkesan, serta wajar dicontohi oleh institusi atau badan lain yang juga turut terlibat dalam menguruskan sumbangan masyarakat.

15. Sejak negara kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan melalui pelbagai dasar pembangunan negara khususnya Dasar Ekonomi Baru yang disusuli dengan Dasar Pembangunan Nasional serta melalui Rancangan Malaysia Lima Tahun serta Belanjawan Negara yang dibentangkan pada setiap tahun, penekanan utama sentiasa diberikan kepada pembangunan masyarakat kita termasuk dalam sektor sosio-ekonomi mereka. Penekanan ini seiring dengan usaha Kerajaan dalam meneruskan strategi memantap dan merangsang pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa sederhana dan panjang.

16. Berasaskan pengalaman serta prestasi yang dipamerkan hingga kini, saya yakin YPEIM adalah saluran terbaik bagi masyarakat kita termasuk sektor korporat untuk menunaikan tanggungjawab sosial mereka. Oleh itu usaha terbaru YPEIM dengan memperkenalkan saluran bagi masyarakat kita beramal jariah (Skim-skim E-Jariah, Tele-Jariah dan Auto-Jariah), dengan memanfaatkan kemudahan teknologi terkini, yang akan dilancarkan pada hari ini, adalah merupakan mekanisme terbaik bagi masyarakat di era Teknologi Maklumat dan Multimedia ini menunaikan tanggungjawab mereka. Langkah memantapkan saluran sedia ada seperti Skim Potongan Gaji dan Skim Korporat Penyayang juga adalah dianggap sesuai dan wajar.

17. Kerajaan menyokong penuh langkah yang diambil oleh YPEIM dalam menghidup dan menyuburkan budaya beramal jariah ini. Saya berharap usaha ini mendapat sokongan yang tak berbelah bagi daripada masyarakat kita, sama ada sektor awam mahupun swasta.

18. Kerajaan akan memberikan apa jua bentuk bantuan yang perlu bagi memastikan hasrat besar ini benar-benar menjadi kenyataan.

19. Dalam ertikata lain YPEIM mempunyai potensi untuk muncul sebagai sebuah institusi yang penting dan relevan dengan keperluan semasa serta sebagai lambang perpaduan dan semangat tolong menolong. Akhirnya kita doakan semoga ianya boleh menjadi lambang kesatuan mukmin yang kuat dan disukai oleh Allah s.w.t., seperti yang gambar oleh hadis Rasullullah s.a.w.:

"Mukmin yang kuat lebih disukai oleh"

Allah s.w.t. daripada Mukmin yang lemah."

20. Marilah kita semua berdoa semoga usaha murni kita ini diperkenankan oleh Allah s.w.t.

21. Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Kempen Sebulan Beramal Jariah Peringkat Nasional dan Melancarkan Skim-skim Amal Jariah anjuran YPEIM.